



PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUTHARGA NO : PAR.2/367 SH.24/2020

TAJUK KERJA

**KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGGARAAN SECARA
KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI
BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA
LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN**

TARIKH TUTUP : 12 JUN 2020 (JUMAAT)

Nama Kontraktor :.....

Alamat:.....

.....

.....

.

Kelas :.....Tempoh Daftar :.....

SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tanda bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1.	Arahan kepada Penyebutharga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Lampiran A- Syarat-Syarat Sebutharga Untuk Kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Borang Sebut Harga Kerja Yang Telah Diisi Dengan Lengkap	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Surat Akuan Pembida (Lampiran F : PK 1/2013 Lampiran 1.2) Yang Telah Diisi Dengan Lengkap	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Technical Specifications	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Schedule Of Prices And Summary Of Prices	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Keterangan Mengenai Kontraktor Yang Telah Diisi Dengan Lengkap	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Dokumen Perjanjian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Profil Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor – CIDB (PPK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan - CIDB (SPKK)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – jika ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
13.	Salinan Penyata Bank 3 Bulan Terkini (Februari 2020, Mac 2020 dan April 2020)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Salinan Sijil SSM	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Sijil Keputusan Pendaftaran denga Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi Cukai Perkhidmatan (JKDM)– jika ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	Lain-Lain Dokumen Sokongan Jika Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

**KERAJAAN MALAYSIA
PARLIMEN MALAYSIA
DOKUMEN SEBUT HARGA**

**KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM
AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN
MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN**

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA	6-10
LAMPIRAN A - SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK KERJA	11-14
BORANG SEBUT HARGA KERJA	15
LAMPIRAN F – SURAT AKUAN PEMBIDA	16
TECHNICAL SPECIFICATIONS	17-20
SCHEDULE OF PRICES AND SUMMARY OF PRICES	21-24
KETERANGAN MENGENAI KONTRAKTOR	25-28
PERJANJIAN KONTRAK	29-53

KERAJAAN MALAYSIA**PARLIMEN MALAYSIA****ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA****NO. SEBUT HARGA : PAR.2/367 SH.24/2020****KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN**

1. Sebutharga ini dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan Gred **G2** Kategori **ME**, Pengkhususan **M04 (Sistem Automasi Bangunan)**.
2. Lawatan tapak adalah **digalakkan** untuk sebutharga ini seperti ketetapan berikut:

Tarikh	:	5 Jun 2020 (Jumaat)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Perkarangan Blok Pejabat Sementara Parlimen Malaysia
3. Penyebutharga hendaklah menyerahkan sampul tawaran sebutharga secara manual ke dalam peti sebut harga pada atau sebelum 12 Jun 2020 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengah hari. Dokumen tawaran yang diterima selepas dari tarikh dan masa akan ditolak.
4. Sampul hendaklah dilabelkan dengan nombor sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga No. 1 di Seksyen Kewangan dan Akaun, Aras 4, Blok Ahli Parlimen Dan Pentadbiran, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur.
5. Tawaran sebut harga yang dikemukakan adalah diwajibkan mengandungi dokumen-dokumen seperti di bawah dan penyebutharga dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :-
 - a) Harga, tempoh dan tandatangan kontraktor dalam Borang Sebut Harga Kerja.
 - b) *Schedule Of Prices And Summary Of Prices.*
 - c) Keterangan mengenai kontraktor.
 - d) Lampiran F : Surat Akuan Pembida.

- e) Dokumen Sokongan :
- (1) Profil Syarikat;
 - (2) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);
 - (3) Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
 - (4) Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) – jika ada;
 - (5) Salinan Penyata Akaun Bank Bagi Bulan Februari 2020, Mac 2020 dan April 2020;
 - (6) Salinan Sijil SSM;
 - (7) Salinan Surat Pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Cukai Perkhidmatan / SST (jika ada); dan
 - (8) Dokumen sokongan lain (jika berkaitan).

Semua borang hendaklah diisi dengan lengkap seperti yang ditentukan dan ditaip dengan kemas dan terang. Jika ruangan yang disediakan tidak mencukupi, penyebutharga dibenarkan menaip maklumat-maklumat di muka surat tambahan.

6. Kerajaan tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kehilangan dokumen semasa perjalanan pos/perkhidmatan hantar cepat (*courier service*) dan sebagainya.
7. Tawaran sebutharga ini sah sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga.
8. Kontraktor yang tawarannya disetujuterima dikehendaki memberi perkhidmatan pada tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan atau mana-mana tarikh lain seperti ditentukan oleh Kerajaan. Sekiranya Kontraktor gagal berbuat demikian, tawaran yang disetujuterima akan dibatalkan dan nama Kontraktor serta nama pengarah-pengarah termasuk pemegang-pemegang saham terbesar akan disenaraihitamkan.
9. Kerajaan tidak terikat untuk menerima Sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran. Tiada sebarang alasan perlu diberikan oleh Kerajaan untuk sebarang penolakan tawaran. Keputusan mengenai Sebut harga yang diterima adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut harga tidak akan dilayan.
10. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**
 - 10.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada

dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasmi di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 10.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja-kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

11. **PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) YANG BERKUATKUASA 1 SEPTEMBER 2018**

- 11.1 Semua tawaran harga oleh Pembekal hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran tanpa Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP).
- 11.2 Senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan seperti yang terdapat dalam Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
Sekiranya pembekal yang berjaya berdaftar CJCP dan perkhidmatan tersebut adalah termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan, Kerajaan akan menawarkan nilai perolehan termasuk

Cukai	Perkhidmatan.
-------	---------------

11.3 Pembekal hendaklah memaklumkan pada bila-bila masa setelah berdaftar dengan JKDM kepada Kerajaan supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan.

12. **PELAKSANAAN PROGRAM PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS (PROTEGE) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN (1PP/PK1.2)**

12.1 Penyebut harga adalah dikehendaki melaksanakan program PROTEGE dalam perolehan kerajaan mengikut had nilai ambang (threshold value) dan sektor seperti berikut :

Bil	Sektor	Nilai Ambang (RM)
1	Pembinaan	10 juta
2	Perkhidmatan / Penyelenggaraan Bangunan / Infrastruktur / Jalan	5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	10 juta
4	Perkhidmatan Perunding	5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	10 juta
7	Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	10 juta
8	Pengangkutan dan Logistik	10 juta
9	Pertahanan Strategik	10 Juta
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	4 juta
11	Sektor Lain	10 juta

12.2 Syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada keseluruhan kos projek bagi melaksanakan program PROTEGE.

- 12.3 Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTEGE, namun tidak tertakluk kepada penetapan 1% daripada nilai kontrak keseluruhan.
- 12.4 Penetapan bilangan minimum peserta SL1M bagi sesuatu kontrak dikira berdasarkan formula berikut :

$$\frac{1\% \times \text{Kos Keseluruhan Projek} / \text{Prolehan}}{\text{RM24,000}^*}$$

* Elaun PROTEGE (RM2,000 seorang X 12 bulan)

13. Selain perkara 1 hingga 12 yang dinyatakan di atas, kontraktor juga tertakluk kepada syarat-syarat tambahan sepertimana di Lampiran A : Syarat-Syarat Sebut harga Untuk Kerja.
14. Sebarang penjelasan yang diperlukan mengenai sebut harga ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Jurutera
Bahagian Senggara Fasiliti & Landskap
Aras 4
Blok Ahli Parlimen Dan Pentadbiran
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

LAMPIRAN A**SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA****1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Kerja semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Kerja berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-karya yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Kerja atau Wakilnya.
- *3.2 Kerja-karya elektrik yang dilaksanakan di samping mematuhi kehendak diperenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
- (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Surat Setujuterima Tawaran, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Surat Setujuterima Tawaran akan dibatalkan oleh Pegawai Kerja dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah dibawah kontrak ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Kerja.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI KERJA

- 6.1 Pegawai Kerja atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Kerja, memberi kepadanya baucar-baucar dan/ atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Kerja secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Kerja tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Dokumen Kontrak ditandatangani.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Dokumen Kontrak ditandatangani. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa pencanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Kerja untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Kerja berhak membatalkan kontrak sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Kerja:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Kerja tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Kerja dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Kerja boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Kerja atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Kerja boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Kerja akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Kerja dan Kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Kerja dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Kerja berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada Kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Ketua Pengarah Kerja Raya, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrik/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal Jabatan Kerja Raya.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Kerja hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini adalah bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Kerja hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja Kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga **PAR.2/367 SH.24/2020**

Ketua Pentadbir
Parlimen Malaysia
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

Tuan,

KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:-

.....
..... (RM:)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa tahun dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden. Bertarikh pada Haribulan 2020.

.....
Tandatangan Kontraktor
Nama Penuh:
No. K/P:
Alamat:
.....
.....
Atas sifat:
.....

.....
Tandatangan Saksi
Nama Penuh:
No. K/P:
Alamat:
.....
.....

Meterai atau Cap Kontraktor

LAMPIRAN F
(PK 1/2013 Lampiran 1.2)

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN

Saya, Nombor K.P. yang mewakili Nombor Pendaftaran (PKK/CIDB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PARLIMEN MALAYSIA** atau mana-mana individu lain, sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PARLIMEN MALAYSIA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut di ambil:-

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. K/P :
Cop Syarikat :

Catatan:

- i) **Potong mana yang tidak berkenaan*
- ii) *Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa*

TECHNICAL SPECIFICATIONS

CONTENTS OF SPECIFICATIONS

- 1.0 GENERAL
- 2.0 WORKMANSHIP AND MATERIALS
- 3.0 SUPERVISION
- 4.0 SCOPE OF WORKS
- 5.0 SERVICING AND MAINTENANCE SCHEDULE
- 6.0 REPAIRS
- 7.0 SERVICES AND MAINTENANCE RECORD

SPECIFICATION FOR COMPREHENSIVE SERVICE AND MAINTENANCE FOR BUILDING AUTOMATION SYSTEM (BAS)

1.0 GENERAL

The work covered by this Specification is for the supply of all materials, appliances, labour and necessary incidentals for the comprehensive service and maintenance of the complete BAS System.

All work to be performed under this Specification shall be in accordance with the best commercial practice and must be in strict accordance with this specification.

2.0 WORKMANSHIP AND MATERIALS

The work described in this Specification shall be performed by workmen skilled in the service, maintenance and repair of the BAS System and shall be executed in accordance with the best commercial practice.

All materials to be supplied in connection with work under this Specification shall be new and unused, and shall generally be of the best quality as regards manufacture and performance.

3.0 SUPERVISION

The Contractor shall have an experience Engineer in charge of the service, maintenance and repair work to be carried out under this Specification. This Engineer must be thoroughly competent in supervising the service, maintenance and repair of BAS of all types and shall be in the direct employ of the Contractor, and acceptable to the Superintending Officer.

The Contractor shall have in his direct employ workmen who are especially skilled in the service, maintenance and repair of BAS of all types.

4.0 SCOPE OF WORK

The work covered under this Specification is to service and maintain all machinery and equipment comprising the complete BAS System. The service and maintenance of the complete BAS System shall be in strict accordance with the servicing and maintenance schedule as set out in Clause 5 below.

The Contractor shall immediately repair any defect in any part or parts of the machinery or equipment of the complete BAS System observed during routine inspection and service. The Contractor shall also provide emergency repair service during normal working hours and also during overtime hours if required to do so by the Superintending Officer or Client Department.

Contractor shall warrant all products and labour for a period of 24 months.

At no cost to the client, Contractor shall provide maintenance services for software, firmware and hardware components as specified below:-

- (i) Maintenance services shall be provided for all devices and hardware specified in the Contract Documents. Service all equipment per the manufacturer's recommendations.
- (ii) Emergency Service: Any malfunction, failure, or defect in any hardware component or failure of any control programming that would result in property damage or loss of comfort control shall be corrected and repaired following telephonic notification by the Owner to the Contractor.
- (iii) Emergency service shall be provided 24 hours per day, 7 days per week, and 365 days per year with no exceptions and at no cost to the Owner. Response by telephone to any request for service shall be provided within two (2) hours of the Owner's initial telephone request for service. In the event that the malfunction, failure, or defect is not corrected through the telephonic communication, at least one (1) hardware and software technician, trained in the system to be serviced, shall be dispatched to the Owner's Site within four (4) hours of the Owner's initial telephone request for such services, as specified.

- (iv) Normal Service: Any malfunction, failure, or defect in any hardware component or failure of any control programming that would not result in property damage or loss of comfort control shall be corrected and repaired following telephonic notification by the Owner to the Contractor.

Response by telephone to any request for service shall be provided within eight (8) working hours (Contractor specified 40 hours per week normal working period) of the Owner's initial telephone request for service.

Client's Telephonic Request for Service: Contractor shall specify a maximum of three telephone numbers for Client to call in the event of a need for service. At least one of the lines shall be attended at any given time at all times. Alternatively, pagers can be used for technicians trained in system to be serviced. One of the three paged technicians shall respond to every call within 15 minutes.

Technical Support: Contractor shall provide technical support by telephone throughout the contract.

Preventive maintenance shall be provided throughout the contract in accordance with the hardware component manufacturer's requirements.

In the last month of the contract, all System software and controller firmware, software, drivers, etc. the Contractor shall make sure all in good condition.

5.0 SERVICING AND MAINTENANCE SCHEDULE

The Contractor shall inspect and service all machinery and equipment comprising the complete BAS System at the above premises at least once a month, except where otherwise directed by the Superintending Officer.

At each such monthly inspection and service of the complete BAS System, the work detailed below shall be performed by the Contractor.

- a) Inspect all condition of Database Creation such as
 - START/ STOP POINT
 - STATUS POINT
 - ANALOG INPUT POINT, etc
- b) Condition of Hardware and Software
- c) Condition of controller
- d) Condition of terminal switches
- e) Condition of wiring

- f) Check the performance of the complete air-conditioning plant and adjust the air volume control dampers, temperature and humidity as necessary.
- g) Instruct the operators responsible for the operation of the plant and equipment on correct method of operating the plant and equipment, and on the maintenance points to be watched.
- h) Report in writing to the Superintending Officer any defect/s observed on any part or parts of the complete BAS System. The report shall state the cause/s of the defect/s observed, and shall include an estimate of the cost of repairs required.

6.0 REPAIRS

The Contractor shall repair, adjust, replace or renew all parts defects in the complete BAS System on the instruction of the Superintending Officer.

The cost of such repairs, adjust, replace or renew shall be included in the fixed monthly rate quoted by the Contractor for the service and maintenance of the complete BAS System.

The Contractor shall manage and provide an equipment and spare parts at all times on the instruction of the Superintending Officer.

All repairs, adjust, replace or renew all parts on the complete BAS System shall be guaranteed by the Contractor.

7.0 SERVICES AND MAINTENANCE RECORD

The Contractor shall provide a service and maintenance record book for the complete BAS System being serviced and maintained by him. This record book shall be kept in the Mechanical Engineer Room of the BAS System being serviced and maintained, and brief details of all service, maintenance and repairs carried out on the complete BAS System shall be entered by the Contractor into this book for checking purposes. The address and telephone number of the Contractor's service station shall also be entered into this record book to facilitate emergency service calls.

The Contractor shall also keep an accurate detailed record in duplicate of all service, maintenance and repair work carried out by him on the complete BAS System. This record shall be in the form of a Maintenance/Repair Sheet, and shall be countersigned by the Superintending Officer each time the BAS System is attended to by the Contractor.

SCHEDULE OF PRICES AND SUMMARY OF PRICES

KERJA-KERJA SERVIS DAN SENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN.

1. SCHEDULE OF PRICES

The tenderer must complete this Schedule of Price at the same time of tender. The price entered in this schedule shall be for the comprehensive service and maintenance of the BAS installation for the building in accordance with the requirements of this specification for a period of **twenty four (24) months**.

1.1 BUILDING AUTOMATION SYSTEM

No.	Description	Qty.	Price/Unit	Amount (RM)
1.	To supply labour only to carry out comprehensive maintenance Building Automation System (BAS) at Parliament Malaysia. Model No : Pegasus IBMS Overall hardware condition (By Schedule) - General panel house keeping - Check output voltage of power supply - Check wire termination - Check ups / battery condition - Check controller hardware condition - BAS system hardware & I/O checklist report *Two (2) manpower to perform the servicing.	24 Months		
2.	Web-Based System (Server) - Health check / device time - Firmware update (if any) - Back up I/O configuration /trend/alarm database - Overall GUI, point & alarm log check - Hardware connection status check - Check hard disk space memory	24 Months		
3.	Sensor calibration 1 times a year follow existing flow meter. - Including to clean up all the debris. *Two (2) manpower engineer/technician to perform the calibration.	1 Lot		
Total to be carried to PAGE 2				

1.1 BUILDING AUTOMATION SYSTEM (Cont'd)

No.	Description	Qty.	Price/Unit	Amount (RM)
Total to be carried from PAGE 1				
4.	Unlimited on-call support engineer/ technician with 4 hours respond time during weekdays and weekend (356 days). *including on-site support and remote online support.	24 Months		
5.	Task description for maintenance engineer to coordinate preventive maintenance, attend on-call breakdown, organize meeting etc. Necessary Works	24 Months	-	-
6.	To include parts/ cover for the equipment's list as below from authorised dealer :	24 Months		
	a) 8 port ethernet switch - IES608-2F(SSC)	10 Unit		
	b) 8 port wall mount patch panel	12 Unit		
	c) Network Control Unit - GCU9001	21 Unit		
	d) RS-485 Isolator - EGI1110001	30 Unit		
	e) DDC - ECM6L45160	24 Unit		
	f) DDC - ECH3645150	1 Unit		
	g) DDC - ECH6645150	3 Unit		
	h) DDC - ECHPP00150	8 Unit		
	i) DDC - ECL2626441	127 Unit		
	j) DDC - ECU6326560	58 Unit		
	k) DDC - ECR1303441	28 Unit		
	l) Lighting touch screen bypass - EDO4320012	36 Unit		
	m) Interposing relay - OMRON MY2 RELAY 24VAC	18 Unit		
	n) VAV controller - ECV1110146	27 Unit		
	o) Room LCD display - EDF2061102	27 Unit		
	p) 24VDC PSU (55 W) c/w battery charger	53 Unit		
Total to be carried to SUMMARY OF PRICES of Section 2				

1.2 PRELIMINARIES

No.	Descriptions	Price/Unit	PRICE (RM)
a.	Preliminaries including :- (a) Insurance (b) Performance Bond (c) Training for staff BSFL (10 pax) (d) Job sheet		
b.	Any other work item not specifically mentioned above but implied and or necessary to complete the building automation system (give details) i. ii. iii.		
Total to be carried to SUMMARY OF PRICES of Section 2			

Signature:

Firm Stamps:.....

.....

Address:

.....

.....

2. SUMMARY OF PRICES

NO.	DESCRIPTION	PRICE (RM)
1.1	BUILDING AUTOMATION SYSTEM	
1.2	PRELIMINARIES	
TOTAL TO BE CARRIED FORWARD TO FORM OF TENDER		

Ringgit Malaysia (RM) :

Signature:

Firm Stamps:.....

Address:

KERAJAAN MALAYSIA

PARLIMEN MALAYSIA

KETERANGAN MENGENAI KONTRAKTOR

1. Nama Kontraktor :
- 1.1 Alamat Pejabat :
-
- 1.2 No. Telefon :
- 1.3 No. Pendaftaran :
- Syarikat
- 1.4 No. Pendaftaran : CIDB :Gred Kategori.....
- :Pengkhususan.....
- JKKP :.....
- Kem. Kewangan : Kod Bidang.....
- e-Perolehan :.....
- (Perlu disertakan dengan salinan sijil sebagai bukti)*
2. Modal Di benar :
- Modal Berbayar :

(i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

NAMA	JAWATAN	SAHAM MODAL YANG DIPEGANG

(ii) Ahli-ahli Pengurusan

NAMA	JAWATAN

4. Butiran pengalaman firma/syarikat kontraktor dalam kerja yang serupa dengan apa yang ditawarkan di dalam pelawaan Sebutarga kepada Kerajaan dalam tempoh lima (5) tahun yang terakhir.

TAHUN	PENGALAMAN

- 5. Jika kontraktor pernah mengikat kontrak dengan mana-mana Jabatan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, nyatakan sama ada Firma/Syarikat kontraktor pernah atau sedang mengalami penggantungan atau penamatan kontrak dengan Kerajaan oleh kerana pelanggaran syarat-syarat Kontrak.

.....
.....
.....
.....

Lain-lain Keterangan Mengenai Kontraktor :-

.....
.....
.....
.....

Saya perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan Kontraktor :

Nama Kontraktor :

No. Kp :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Firma/
Syarikat :

Tandatangan Saksi :

Nama Saksi :

No. Kp :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Firma/
Syarikat :

PERJANJIAN KONTRAK

KERJA-KERJA SERVIS & SENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN

No. Perjanjian :

PERJANJIAN ini dibuat pada.....

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA yang bagi maksud Perjanjian ini diwakili oleh Parlimen Malaysia yang beralamat di Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen 50680 Kuala Lumpur (selepas daripada ini dirujuk sebagai "KERAJAAN") bagi satu pihak;

DENGAN

..... **(No. Pendaftaran Syarikat:**)
 suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai pejabat berdaftar di
(selepas daripada ini dirujuk sebagai "KONTRAKTOR") bagi pihak yang satu lagi, (kedua-dua pihak KERAJAAN dan KONTRAKTOR akan dirujuk secara berasingan sebagai "Pihak" atau secara bersesama sebagai "Pihak-Pihak").

BAHAWASANYA:

- (a) KERAJAAN berhasrat untuk melantik KONTRAKTOR untuk melaksanakan **KERJA-KERJA SERVIS & SENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN** (selepas daripada ini dirujuk sebagai "Kerja tersebut") menurut skop yang ditentukan di dalam **LAMPIRAN A**.
- (b) Melalui Surat Setuju Terima (SST) bertarikh KONTRAKTOR telah bersetuju menerima lantikan untuk melaksanakan Kerja tersebut kepada KERAJAAN

tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini. Salinan SST adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN adalah dengan ini dipersetujui seperti yang berikut:

1 TAFSIRAN

- (a) Kandungan Perjanjian ini, klausa dan Lampiran yang berkenaan atau mana-mana dokumen yang dirujuk di dalam Perjanjian ini hendaklah dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai penting dan membentuk sebahagian daripada Perjanjian ini. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku pertikaian mengenai mana-mana dokumen yang membentuk Perjanjian ini, keutamaan dokumen seperti yang berikut hendaklah terpakai:
- (i) klausa-klausa;
 - (ii) lampiran-lampiran; dan
 - (iii) apa-apa dokumen lain yang dirujuk dalam Perjanjian ini;
- (b) semua rujukan kepada kandungan Perjanjian ini, klausa dan Lampiran adalah merupakan rujukan kepada kandungan Perjanjian ini, klausa dan Lampiran dalam Perjanjian ini;
- (c) semua rujukan kepada peruntukan undang-undang adalah termasuk peruntukan yang telah dipinda, disemak dan digubal semula;
- (d) perkataan "undang-undang" adalah bermaksud mana-mana undang-undang terpakai pada masa kini dan pada masa hadapan dan mana-mana perlembagaan, dikri, penghakiman, perundangan, arahan, ordinar, statut, persefahaman, arahan direktif, undang-undang kecil, undang-undang dan peraturan yang dipinda dari semasa ke semasa;
- (e) perkataan-perkataan yang terpakai bagi individu juga hendaklah terpakai bagi orang perseorangan, syarikat, perbadanan, firma, perkongsian yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

- (f) ungkapan "Perjanjian ini" atau mana-mana ungkapan yang serupa hendaklah terdiri daripada kandungan Perjanjian ini, klausa dan Lampiran dan termasuk apa-apa perjanjian tambahan bertulis kepadanya sebagai boleh dilaksanakan dan berkuat kuasa dari semasa ke semasa atau bila-bila masa;
- (g) perkataan-perkataan yang bermaksud suatu jantina hendaklah termasuk jantina yang lain;
- (h) rujukan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya;
- (i) tajuk dan subtajuk kepada klausa di dalam Perjanjian ini adalah untuk rujukan mudah semata-mata dan tidak harus menjejaskan definisi dan tafsiran kepada klausa tersebut;
- (j) mana-mana perkataan atau ungkapan ditakrifkan dalam Perjanjian ini hendaklah diperluas kepada semua variasi tatabahasa dan ungkapan seasalnya perkataan atau ungkapan yang ditakrifkan sedemikian;
- (k) bagi maksud pengiraan apa-apa tempoh masa yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau apabila sesuatu perbuatan dikehendaki dilakukan dalam tempoh yang dinyatakan atau dari suatu tarikh yang dinyatakan, maka tempoh tersebut adalah termasuk dan mula berjalan dari tarikh yang dinyatakan sedemikian;
- (l) mana-mana rujukan kepada masa yang memerlukan sesuatu perbuatan perlu dilakukan atau perjanjian dicapai atau persetujuan diberikan, sebutan itu hendaklah disifatkan dibaca sebagai termasuk ungkapan atau apa-apa tempoh yang lain yang dipersetujui secara bertulis antara Pihak-Pihak dari semasa ke semasa;
- (m) mana-mana terma teknikal yang tidak didefinisikan secara khusus, hendaklah ditafsirkan selaras dengan penggunaan atau definisinya yang lazim diterima di dalam bidang dan industri berkenaan di Malaysia;

- (n) mana-mana rujukan kepada perkataan "bertulis" atau ungkapan seasalnya, adalah termasuk apa-apa komunikasi yang dilaksanakan melalui penghantaran pos, faksimili, mel elektronik atau cara lain yang setanding dengannya; dan
- (o) mana-mana rujukan untuk "kelulusan", "notis" atau "persetujuan" hendaklah bermaksud kelulusan, notis atau persetujuan bertulis, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

2 SKOP PERJANJIAN

2.1 Adalah dipersetujui bahawa **KONTRAKTOR** hendaklah melaksanakan **KERJAKERJA SERVIS & SENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF SISTEM AUTOMASI BANGUNAN (BAS) DI BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR SELAMA DUA (2) TAHUN** untuk KERAJAAN menurut skop dan spesifikasi operasi dan penyelenggaraan yang ditentukan di dalam **LAMPIRAN A** dan menurut terma dan syarat Perjanjian ini.

2.2 Waktu bekerja adalah seperti yang berikut:

Hari Isnin hingga Jumaat mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang

Hari Sabtu mulai jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang

2.3 Walau apa pun jua dalam klausa 2.2, KERAJAAN berhak mengarahkan KONTRAKTOR bekerja pada masa lain selain waktu bekerja yang ditetapkan jika berlaku apa-apa kerosakan dan ketidakfungsian pada **Sistem Automasi Bangunan** tanpa sebarang caj dikenakan.

2.4 KONTRAKTOR perlulah membaiki apa-apa kerosakan dan ketidakfungsian **Sistem Automasi Bangunan** yang dilaporkan oleh KERAJAAN selain **menyediakan kerja kecemasan 24 jam sehari sepanjang TEMPOH PERJANJIAN**.

3 TEMPOH PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai mula berkuat kuasa selama tempoh dua (2) tahun mulai (selepas daripada ini dirujuk sebagai "TEMPOH PERJANJIAN").

4 NILAI PERJANJIAN

- 4.1 Bagi maksud Perjanjian ini dan tertakluk kepada syarat-syarat dan terma Perjanjian ini oleh KONTRAKTOR, KERAJAAN bersetuju membayar kepada KONTRAKTOR sebanyak **+ 6% SST (.....) menjadi** **(Ringgit Malaysia :**) (selepas daripada ini dirujuk sebagai "nilai perjanjian").
- 4.2 Bayaran adalah berdasarkan kadar yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN C** selepas pemeriksaan telah dijalankan dan suatu laporan mengenainya telah diserahkan kepada Ketua Pentadbir Palimen Malaysia atau wakilnya.
- 4.3 Nilai Perjanjian yang dinyatakan dalam **klausu 4 Perjanjian ini** adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi tujuan kenaikan nilai membayar Nilai Perjanjian oleh pihak KONTRAKTOR tidak akan dibenarkan melainkan dipersetujui melalui pindaan kepada **Perjanjian ini**.
- 4.4 KERAJAAN tidak akan bertanggungjawab memenuhi apa-apa tuntutan berhubung dengan pelaksanaan Kerja oleh KONTRAKTOR yang melebihi Nilai Perjanjian walaupun ia berlaku atas arahan Pegawai yang diberi kuasa melainkan jika pindaan telah dibuat terlebih dahulu mengikut cara yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.
- 4.5 Tertakluk kepada klausu 4.1, KERAJAAN hendaklah membayar Nilai Perjanjian kepada KONTRAKTOR berdasarkan Kerja tersebut yang diterima sempurna dan disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh KERAJAAN.

5 PEMBAYARAN

- 5.1 Invois hendaklah disahkan oleh Pegawai di Bahagian/Seksyen/Unit yang berkaitan.

- 5.2 Pembayaran Nilai Perjanjian kepada KONTRAKTOR akan dibuat setelah pihak KONTRAKTOR membekalkan kerja sebagaimana yang dinyatakan di dalam LAMPIRAN A dengan diterima sempurna dan disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh KERAJAAN.
- 5.3 Tanpa menafikan hak-hak KERAJAAN yang lain dalam Perjanjian ini, sekiranya pihak KONTRAKTOR melanggar apa-apa terma atau syarat dalam perjanjian ini, pihak KERAJAAN berhak memotong **Nilai Perjanjian** yang ditetapkan kepada KONTRAKTOR.
- 5.4 KONTRAKTOR diberi peringatan supaya mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bekalan atau kerja dibekalkan atau kerja disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat segera. KERAJAAN tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada KONTRAKTOR jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari.
- 5.5 KONTRAKTOR hendaklah mengemukakan invoice kepada:

**Ketua Jurutera
Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan dan Lanskap
Tingkat 4, Blok Ahli Parlimen Dan Pentadbiran
Parlimen Malaysia
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur.**

6 REPRESENTASI DAN WARANTI

- 6.1 KONTRAKTOR dengan ini membuat representasi dan waranti kepada KERAJAAN bahawa –

- (a) ia adalah suatu syarikat yang sah yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia;
- (b) ia mempunyai kuasa untuk membuat dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian kapasiti di sisi undang-undang untuk membuat dan melaksanakan obligasinya di

bawah Perjanjian ini dan untuk menjalankan apa-apa transaksi dan menjalankan perniagaannya sebagaimana yang dihasratkan oleh Perjanjian ini;

(c) ia telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi membuat dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;

(d) pada bila-bila masa pelaksanaan Perjanjian ini, pelaksanaan Perjanjian ini tidak menyalahi mana-mana peruntukan sama ada—

(i) Memorandum dan Artikel Persatuannya; atau

(ii) mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;

(e) ia adalah suatu syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh KERAJAAN;

(f) tiada apa-apa litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding yang sedang atau telah berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau obligasinya di bawah Perjanjian ini;

(g) bahawa ia tidak mempunyai apa-apa pengetahuan, pada tarikh Perjanjian ini, tentang apa-apa perkara di dalam kawalan semunasabah yang mungkin atau akan sebaliknya menjejaskan keupayaan untuk menjalankan obligasinya di bawah Perjanjian ini dan bahawa ia mempunyai kepakaran dan kemahiran untuk menjalankan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini,

dan KONTRAKTOR mengambil maklum bahawa KERAJAAN telah membuat Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

6.2 Representasi Berterusan

KONTRAKTOR lagi memberi jaminan dengan KERAJAAN bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan dalam klausa 6.1 akan tetap benar dan betul dalam semua aspek material sepanjang TEMPOH PERJANJIAN ini.

6.3 Kebergantungan kepada KONTRAKTOR

KONTRAKTOR mengakui bahawa KERAJAAN bergantung sepenuhnya dan semata-mata kepada kemahiran KONTRAKTOR, pertimbangan dan kepakaran dan sewajarnya KONTRAKTOR bertanggungjawab kepada KERAJAAN bagi apa-apa kerugian dan kerosakan sekalipun, yang timbul secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan Perjanjian ini.

7 OBLIGASI KONTRAKTOR

KONTRAKTOR hendaklah -

- (a) melaksanakan Kerja tersebut dan obligasinya di bawah Perjanjian;
- (b) melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik berdasarkan amalan pengurusan yang baik, mengutamakan kepentingan KERAJAAN dan hendaklah mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa;
- (c) melaksanakan Kerja tersebut dengan mengambil semua langkah yang diperlukan oleh seseorang KONTRAKTOR yang melaksanakan kerja yang sama bagi memastikan Kerja tersebut mematuhi semua kehendak di bawah Perjanjian ini;
- (d) melaksanakan Kerja tersebut dan menjalankan obligasi sebagaimana yang terkandung dalam Perjanjian dengan menggunakan kemahiran, kepakaran serta teliti dalam menyempurnakan obligasinya. Dalam melaksanakan Kerja tersebut, KONTRAKTOR hendaklah menyenaraikan semua kerja yang diperlukan, kemudahan dan kakitangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian ini. KONTRAKTOR juga hendaklah menyediakan prosedur dalam

bentuk yang dipersetujui oleh KERAJAAN bagi maksud melapor dan menyelaraskan;

- (e) pada setiap masa melaksanakan Kerja tersebut dalam apa-apa cara yang akan sentiasa menjaga dan melindungi kepentingan KERAJAAN dan mengambil langkah yang perlu dan yang bersesuaian untuk tidak menyalahgunakan atau membazir kemudahan yang diberikan, sekiranya ada, yang diberikan oleh KERAJAAN kepada KONTRAKTOR;
- (f) memaklumkan kepada KERAJAAN secepat mungkin secara bertulis jika terdapat apa-apa faktor atau keadaan, yang boleh mempengaruhi Kerja tersebut. Makluman tersebut tidak akan dianggap sebagai suatu pelepasan terhadap apa-apa obligasi KONTRAKTOR di bawah Perjanjian ini;
- (g) menyediakan dan memastikan bilangan dan kategori kakitangan yang berkelayakan dan mahir secukupnya sepanjang tempoh Perjanjian;
- (h) hendaklah menyediakan dengan kos sendiri dan memberikan segala kelengkapan dan bahan yang diperlukan bagi melaksanakan Kerja tersebut secara efektif dan baik;
- (i) hendaklah menyelenggara inventori yang baik bagi kemudahan, kelengkapan dan apa-apa aset yang disediakan oleh KERAJAAN dan KERAJAAN hendaklah mempunyai hak untuk menjalankan audit kepada inventori tersebut dari semasa ke semasa;
- (j) hendaklah dengan kos sendiri menyediakan kakitangan pakar, perunding atau ejen yang diberi kuasa bagi maksud menjalankan dan melaksanakan Kerja tersebut;
- (k) memberi arahan dan menyelia semua pekerjaannya yang melaksanakan Kerja tersebut itu dan memantau penyediaan spesifikasi Kerja tersebut ketika Kerja tersebut dilaksanakan dan juga selepas Kerja tersebut dilaksanakan;
- (l) apabila diminta oleh KERAJAAN, memeriksa dan mengemukakan data yang berkaitan bagi maksud perubahan atau penambahan dalam Perjanjian ini;

- (m) memastikan rekod yang berkaitan dengan Kerja tersebut diselenggara dengan baik pada setiap masa dan rekod tersebut hendaklah pada bila-bila masa yang munasabah tersedia bagi maksud pemeriksaan oleh pegawai yang diberi kuasa atau juruaudit yang diberi kuasa oleh KERAJAAN.

8 PENGURUSAN KESELAMATAN

- 8.1 KONTRAKTOR hendaklah memastikan keselamatan pekerja, kakitangan, ejen, orang awam dan subkontraktor semasa menjalankan Kerja tersebut dan hendaklah mematuhi segala undang-undang, kaedah dan peraturan yang terpakai berkaitan dengan Perjanjian ini.
- 8.2 KONTRAKTOR hendaklah sentiasa memastikan tiada gangguan terhadap sistem dan harta benda Parlimen semasa menjalankan skop Kerja tersebut.
- 8.3 KONTRAKTOR hendaklah mengganti rugi kepada KERAJAAN dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa tindakan, ketinggalan, kemungkiran dan kecuaiian subkontraktor yang dilantik olehnya, ejen, kakitangan atau pekerjanya sepenuhnya seolah-olah mereka merupakan tindakan, ketinggalan, kemungkiran atau kecuaiian KONTRAKTOR.

9 PEMBERITAHUAN TENTANG KESALAHAN ATAU KECACATAN

Sekiranya KONTRAKTOR mengesan apa-apa kesalahan atau kerosakan semasa menjalankan Kerja tersebut pada apa-apa kemudahan, utiliti dan/atau kelengkapan kepada sesuatu sistem di Parlimen atau apa-apa yang mungkin mendatangkan ancaman atau bahaya kepada KERAJAAN atau pengguna utiliti dan/atau kelengkapan kepada sesuatu sistem di Parlimen semasa menjalankan Kerja tersebut, KONTRAKTOR hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin (tetapi tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam) melaporkan perkara tersebut kepada KERAJAAN.

10 PENAMATAN PERJANJIAN

10.1 Penamatan oleh KERAJAAN

10.1.1 Sekiranya KONTRAKTOR tanpa apa-apa sebab yang munasabah:

- (a) menangguhkan pelaksanaan Kerja tersebut;
- (b) gagal melaksanakan Kerja tersebut secara tekun dan berterusan;
- (c) gagal melaksanakan Kerja tersebut atau gagal menjalankan obligasi seperti yang dipersetujui di bawah Perjanjian ini;
- (d) melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini,

KERAJAAN hendaklah memberi notis secara bertulis kepada KONTRAKTOR dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta KONTRAKTOR untuk meremedikannya dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis itu. Sekiranya KONTRAKTOR gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh yang dinyatakan atau mana-mana tempoh lain yang ditetapkan oleh KERAJAAN, KERAJAAN berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk tujuan penamatan tersebut.

10.1.2 KERAJAAN berhak dengan serta-merta menamatkan Perjanjian ini sekiranya -

- (a) KONTRAKTOR pada bila-bila masa menjadi bankrap atau satu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadapnya; atau
- (b) Jika seorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah atau seseorang pemiutang melantik seorang penerima atau Pengurus, atau yang memberi hak kepada Mahkamah membuat suatu perintah penggulungan.

10.2 Penamatan atas Kepentingan Awam

10.2.1 Walau apapun peruntukan di bawah Perjanjian ini, KERAJAAN boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada KONTRAKTOR (tanpa apa-apa obligasi untuk menyatakan alasan berbuat demikian) setelah mempertimbangkan bahawa

penamatan itu perlu untuk kepentingan awam, kepentingan keselamatan negara, atau atas sebab polisi KERAJAAN atau polisi awam;

10.2.2 Bagi maksud klausa ini, apa yang mewujudkan “kepentingan awam”, “kepentingan keselamatan Negara”, “polisi kerajaan” dan “polisi awam” hendaklah secara keseluruhannya dibuat dan ditentukan oleh KERAJAAN. Segala penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar;

10.3 Penamatan atas sebab rasuah, aktiviti-aktiviti yang tidak sah atau menyalahi undang-undang

(a) Tanpa prejudis kepada mana-mana hak KERAJAAN yang lain, jika KONTRAKTOR atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya disabitkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang bagi rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara KERAJAAN dengan KONTRAKTOR tersebut, sekiranya ada, KERAJAAN berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis dengan sertamerta kepada KONTRAKTOR bagi maksud itu;

(b) Akibat daripada penamatan tersebut, KERAJAAN berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh KERAJAAN; dan

(c) Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa KONTRAKTOR tidak berhak ke atas apa-apa bentuk kerugian termasuklah kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa-apa pun berikutan daripada penamatan Perjanjian ini.

10.4 Penamatan oleh KONTRAKTOR

Sekiranya KERAJAAN tanpa apa-apa sebab yang munasabah gagal membuat bayaran kepada KONTRAKTOR seperti yang dipersetujui di bawah Perjanjian ini setelah tuntutan pembayaran, menerima invois dan dokumen sokongan yang lengkap daripada KONTRAKTOR, KONTRAKTOR hendaklah memberi notis bertulis kepada KERAJAAN dengan menyatakan butiran mengenai kemungkiran itu dan meminta KERAJAAN untuk meremedikannya dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis itu. Sekiranya KERAJAAN gagal untuk meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh itu atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak, KONTRAKTOR berhak menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk tujuan itu.

10.5 Kesan Penamatan

Sekiranya Perjanjian ini ditamatkan mengikut klausa 10.1, 10.2 dan 10.3, maka-

- (a) kesemua kuasa, hak dan obligasi yang diperuntukkan di dalam Perjanjian ini akan tamat serta-merta;
- (b) Pihak-Pihak akan membayar dan menyelesaikan apa-apa jumlah wang yang masih belum dibayar dan kena dibayar kepada Pihak yang satu lagi sebelum penamatan Perjanjian ini; dan
- (c) penamatan Perjanjian ini tidak akan menjejaskan hak-hak mana-mana Pihak yang telah terakru sebelum penamatan Perjanjian ini.

11 HAK KERAJAAN MENDAPATKAN KHIDMAT PIHAK KETIGA

- 11.1 KERAJAAN berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan Kerja tersebut di bawah Perjanjian ini sekiranya KONTRAKTOR gagal atau enggan untuk memberikan Kerja tersebut atau sebahagian daripadanya menurut Perjanjian ini dan semua kos yang telah dibayar oleh KERAJAAN kepada pihak ketiga itu hendaklah ditolak dari kos yang sepatutnya dibayar kepada KONTRAKTOR.

11.2 Sekiranya kos yang perlu dibayar oleh KERAJAAN bagi Kerja tersebut atau sebahagian daripadanya kepada pihak ketiga tersebut melebihi jumlah bayaran yang diperuntukkan dalam Perjanjian ini, maka KERAJAAN mempunyai hak untuk menuntut jumlah tersebut daripada KONTRAKTOR.

12 FORCE MAJEURE

12.1 KONTRAKTOR dan KERAJAAN adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan obligasi di bawah Perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan Force Majeure. Dalam keadaan ini, yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat menyempurnakan Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan Pihak-Pihak tanpa apa-apa pampasan. Kejadian Force Majeure hendaklah bermaksud:

- (a) peperangan (sama ada ia diisytiharkan atau tidak), pertempuran, penaklukan atau tindakan oleh musuh-musuh asing;
- (b) pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;
- (c) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran spontan bawah tanah, ombak besar atau apa-apa bencana alam yang secara munasabahnya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;
- (d) letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;
- (e) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau apa-apa peranti aerial yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (f) rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam; atau

(g) sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain yang di luar kawalan mana-mana Pihak.

- 12.2 Jika berlaku sesuatu kejadian Force Majeure yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian Force Majeure tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan akan kejadian Force Majeure tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian Force Majeure dan kesannya terhadap pelaksanaan Perjanjian ini.
- 12.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabah bahawa satu kejadian Force Majeure tidak berlaku.
- 12.4 KONTRAKTOR hendaklah membuktikan bahawa kejadian Force Majeure betul-betul berlaku sebelum KONTRAKTOR dapat melepaskan obligasinya mengikut klausa 12.1.
- 12.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah klausa 12.1 di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggung terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian Force Majeure tersebut.
- 12.6 Bagi mengelakkan apa-apa keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh kejadian Force Majeure dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.
- 12.7 KERAJAAN dan KONTRAKTOR tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketinggalan atau kegagalan untuk melaksanakan atau menjalankan obligasi di bawah Perjanjian ini jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul dari sebab 'Force Majeure' termasuklah,

tetapi tidak terhad kepada rusuhan atau kekacauan awam, mogok umum, kebakaran, banjir atau taufan peperangan, bahaya lalit, gempa bumi atau sebab-sebab atau kejadian-kejadian yang lain di luar kawalan mana-mana Pihak.

- 12.8 Jika berlaku sesuatu kejadian Force Majeure yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Perjanjian ini, Pihak tersebut hendaklah serta-merta mengemukakan notis bertulis memaklumkan kejadian Force Majeure tersebut kepada Pihak yang satu lagi (selepas daripada ini dirujuk sebagai "**NOTIS FORCE MAJEURE**") dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai kejadian Force Majeure dan kesannya terhadap pelaksanaan Perjanjian ini.
- 12.9 KERAJAAN berkuasa untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya kejadian Force Majeure berterusan untuk tiga puluh (30) hari daripada NOTIS FORCE MAJEURE, dan semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi melainkan berkaitan dengan NILAI PEMBAYARAN bulanan yang terakru sebelum kejadian Force Majeure tersebut yang kena dibayar secara serta-merta oleh KERAJAAN kepada KONTRAKTOR.

13 PEMERIKSAAN OLEH KERAJAAN

KONTRAKTOR hendaklah membenarkan KERAJAAN atau mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh KERAJAAN pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan bagi mengenal pasti tahap pencapaian KONTRAKTOR dalam melaksanakan Kerja tersebut dan apabila perlu, hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh KERAJAAN bagi maksud Perjanjian ini.

14 PENOLAKAN

KERAJAAN berhak untuk menolak apa-apa wang yang terhutang kepada KERAJAAN oleh KONTRAKTOR dengan menolak jumlah itu daripada wang yang terhutang dan kena dibayar kepada KONTRAKTOR di bawah Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian yang sedia ada yang lain yang telah dibuat antara KERAJAAN dengan KONTRAKTOR.

DENGAN SYARAT peruntukan ini tidak menjejaskan apa-apa remedi lain yang KERAJAAN berhak bagi mendapatkan apa-apa wang.

15 PENGENAAN PENALTI

- 15.1 Tertakluk kepada klausa 12 di atas, KERAJAAN juga sentiasa berhak mengenakan penalti sejumlah sepuluh peratus (10%) daripada kos perbelanjaan dari pembekalan punca-punca lain terhadap KONTRAKTOR sebagai kos pentadbiran.
- 15.2 Sekiranya KONTRAKTOR gagal untuk melaksanakan Kerja tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian ini dan jika sekiranya kegagalan tersebut telah berterusan selama tujuh (7) hari, maka KERAJAAN sentiasa berhak mengikut apa-apa peratusan atau nilai yang difikirkan patut oleh Kerajaan, memotong apa-apa wang yang kena dibayar oleh KERAJAAN kepada KONTRAKTOR bagi setiap kegagalan melaksanakan Kerja tersebut.
- 15.3 Hak KERAJAAN di dalam klausa ini adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa menyekat hak-hak KERAJAAN yang lain sama ada secara nyata atau tersirat di bawah Perjanjian ini atau di sisi undang-undang untuk menuntut ganti rugi daripada KONTRAKTOR kerana gagal melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini.

16 PERUNTUKAN MAKLUMAT

KONTRAKTOR hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan menjawab kepada apa-apa pertanyaan daripada KERAJAAN, dan hendaklah dengan segera memberi jika dibenarkan oleh undang-undang, maklumat, rekod, penyata, laporan, data dan apa-apa bahan atau dokumen lain yang diminta oleh KERAJAAN berhubung dengan Perjanjian ini.

17 PENYERAHAKKAN ATAU NOVASI

KONTRAKTOR tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada KERAJAAN terlebih dahulu, menyerahkan atau memindahkan kepada pihak ketiga semua atau mana-mana manfaat atau obligasi dalam Perjanjian ini.

18 TANGGUNG RUGI**KONTRAKTOR BERSETUJU BAHAWA -**

- (a) KONTRAKTOR hendaklah menanggung rugi KERAJAAN berkaitan dengan apa-apa kerugian, ganti rugi, bayaran atau kos yang mungkin ditanggung atau dikenakan ke atas KERAJAAN berkenaan dengan apa-apa tuntutan, tanggungan, prosiding atau perbicaraan yang timbul secara langsung atau tidak langsung akibat kemungkinan KONTRAKTOR, ejen atau pekerjanya terhadap mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini dengan syarat apa-apa kerugian, ganti rugi, bayaran atau kos berkenaan tidak berpunca daripada tindakan atau tinggalkan yang cuai yang disebabkan oleh KERAJAAN dalam melaksanakan mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini.
- (b) KONTRAKTOR hendaklah menanggung rugi KERAJAAN berkaitan dengan apa-apa kerugian terhadap apa juga tindakan berkaitan dengan pelanggaran hak harta intelek oleh KONTRAKTOR kerana mengguna atau menjual mana-mana perkakasan yang dibekalkan oleh KONTRAKTOR dan terhadap segala belanja dan ganti rosak yang KERAJAAN mungkin lakukan dalam suatu tindakan kerana pelanggaran itu atau yang KERAJAAN mungkin bertanggungjawab dalam suatu tindakan itu.
- (c) KERAJAAN tidak akan menanggung apa-apa liabiliti untuk apa-apa ganti rugi atau pampasan kepada sesiapa yang berada dalam penggajian KONTRAKTOR atau sesiapa yang lain yang mengakibatkan kerosakan kepada harta benda seseorang atau kecederaan, maut atau tidak, atau kerugian yang berakibat daripada mana-mana tindakan atau keingkaran KONTRAKTOR, pekerja-pekerjanya atau ejen-ejennya yang mana KERAJAAN akan dijadikan bertanggung dari segi undang-undang.

19 IKLAN

Tiada iklan mengenai **Perjanjian ini** boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau apa-apa media pengiklanan yang lain melainkan jika pengiklanan itu telah terlebih dahulu memperolehi kelulusan bertulis KERAJAAN.

20 KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos dan duti setem yang harus dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh KONTRAKTOR.

21 JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

21.1 Apa-apa pertikaian antara Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang terdiri daripada -

- (a) Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia atau wakilnya sebagai Pengerusi;
- (b) dua (2) wakil yang dilantik daripada KERAJAAN; dan
- (c) dua (2) wakil yang dilantik daripada KONTRAKTOR.

21.2 Pakar Bebas

Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas bagi memberi nasihat ke atas sebarang perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pakar bebas yang dilantik tersebut hendaklah dikongsi sama rata oleh Pihak-Pihak.

21.3 Penyelesaian Secara Baik

Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan prosedur-prosedur bagi mencapai penyelesaian. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berjumpa dan berusaha untuk mencapai penyelesaian secara baik antara Pihak-Pihak tentang perkara yang dirujuk kepadanya.

21.4 Kegagalan Mencari Penyelesaian

Jika apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak dapat dipersetujui oleh Pihak-Pihak dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh kes dirujuk, maka kedua-dua Pihak bolehlah merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada penimbang tara menurut klausa 22.

22 TIMBANG TARA

(a) Rujukan kepada Timbang Tara

Apa-apa pertikaian yang terbit antara KERAJAAN dengan KONTRAKTOR di bawah Perjanjian ini mengenai penafsiran, pengertian, atau kuat kuasa Perjanjian atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya yang tidak boleh diselesaikan secara rundingan bolehlah dirujuk dan diputuskan oleh seorang penimbang tara yang dilantik dengan persetujuan kedua-dua Pihak, atau oleh Ketua Pengarah, Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur ("Pusat itu"). Apa-apa rujukan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pengemukaan kepada penimbang tara mengikut Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646]. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh penimbang tara adalah muktamad.

(b) Tempat

Prosiding timbang tara hendaklah dijalankan di Pusat itu dengan menggunakan segala peralatan dan kemudahan di Pusat itu dan segala peraturan timbang tara yang dipakai di Pusat itu hendaklah terpakai.

(c) Obligasi Berterusan

Apa-apa rujukan kepada mana-mana perkara, pertikaian, persoalan atau tuntutan kepada timbang tara selaras dengan klausa ini dan/atau pelanjutan prosiding timbang tara akibat daripadanya bukanlah suatu pengenehan

terhadap apa-apa obligasi KERAJAAN dan KONTRAKTOR untuk melaksanakan obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini.

23 KERAHSIAAN

23.1 Bagi maksud Perjanjian ini, maklumat rahsia di bawah Perjanjian ini bermaksud, semua maklumat (sama ada berkenaan komersial, kewangan, teknikal atau sebagainya) yang berkaitan dengan mana-mana pihak kepada Perjanjian ini, subkontraktor, pelanggan lain, pekerjaanya atau sebagainya, yang didapati atau diberikan oleh Pihak yang satu lagi;

23.2 Kedua-dua Pihak kepada Perjanjian ini mengaku janji –

(a) untuk menganggap maklumat rahsia tersebut sebagai rahsia;

(b) untuk tidak akan, tanpa kebenaran Pihak yang satu lagi, berkomunikasi atau memberitahu mengenai mana-mana bahagian daripada maklumat rahsia tersebut kepada mana-mana orang kecuali kepada mana-mana pekerjaanya, ejen dan subkontraktor yang terlibat secara langsung dengan Perjanjian ini dan yang perlu mengetahui maklumat rahsia itu bagi maksud memenuhi kewajipan KONTRAKTOR di bawah Perjanjian ini; dan

(c) untuk tidak menggunakan atau menyebarkan maklumat rahsia dalam organisasi mana-mana Pihak kecuali jika ia adalah perlu di bawah Perjanjian ini.

23.3 Kewajipan yang dinyatakan dalam klausa 24.2 tidak akan terpakai kepada maklumat rahsia yang mana -

(a) maklumat itu telah pun diketahui oleh mana-mana pihak itu (dengan mempunyai hak untuk mendedahkannya) sebelum menerima maklumat rahsia tersebut;

- (b) maklumat itu menjadi pengetahuan umum yang bukan disebabkan oleh pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Perjanjian ini;
 - (c) maklumat itu adalah berasingan atau diketahui oleh pihak-pihak tertentu hasil daripada penyelidikan sendiri tanpa menggunakan mana-mana maklumat rahsia di bawah Perjanjian ini; dan
 - (d) maklumat diterima secara sah oleh pihak ketiga (dengan mempunyai hak untuk mendedahkannya).
- 23.4 Klausula 24 hendaklah berkuat kuasa wujud selepas peluputan atau penamatan Perjanjian ini atas apa-apa sebab pun;
- 23.5 Sekiranya KONTRAKTOR gagal mematuhi peruntukan di bawah Klausula ini, KONTRAKTOR boleh didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atau undang-undang lain yang berkaitan atau ditamatkan Perjanjiannya atau kedua-duanya sekali.

24 UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI BAGI PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

25 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk mematuhi segala ketetapan Akta, ordinan, enakmen, peraturan-peraturan yang berkuat kuasa atau undang-undang kecil, arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan/Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

26 NOTIS

- 26.1 Jika dalam melaksanakan peruntukan Perjanjian ini suatu notis diperlukan, notis tersebut hendaklah diberikan secara bertulis dan dihantar melalui Pos berdaftar atau diserahkan ke alamat seperti yang berikut:

(A) KERAJAAN: Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia
Tingkat 4, Blok Ahli Parlimen Dan Blok Pentadbiran
Parlimen Malaysia
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

(B) KONTRAKTOR:

26.2 KONTRAKTOR hendaklah memberikan notis bertulis kepada KERAJAAN dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pertukaran alamat jika berlaku pertukaran sedemikian.

27 PENAFIAN

27.1 Kegagalan KERAJAAN atau KONTRAKTOR untuk melaksanakan atau menguatkuasakan pada bila-bila masa atau untuk suatu tempoh atau lebih apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini tidak akan menjadi penepian kepada terma dan syarat Perjanjian ini atau haknya pada bila-bila masa seterusnya untuk KERAJAAN atau KONTRAKTOR menguatkuasakan semua atau mana-mana terma atau syarat Perjanjian ini.

27.2 Apa-apa penepian mana-mana hak KERAJAAN di bawah Perjanjian ini adalah tidak sah melainkan ia dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh wakil KERAJAAN atau seorang pegawai lain yang telah diberi kuasa olehnya.

28 KEBOLEHASINGAN

Jika mana-mana klausa di bawah Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang pada masa kini atau undang-undang pada masa hadapan, klausa tersebut hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsir dan dikuatkuasakan seolah-olah klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan klausa-klausa lain hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya dan mempunyai kesan seolah-olah Perjanjian ini telah diikat tanpa klausa yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut.

29 LAMPIRAN

Semua lampiran yang disertakan menjadi sebahagian dan dibaca bersama dengan Perjanjian ini.

30 MASA

Masa bila mana disebut hendaklah menjadi intipati Perjanjian ini.

31 PINDAAN

Apa-apa pindaan atau ubahsuaian kepada Perjanjian ini hendaklah dipersetujui oleh KERAJAAN dan KONTRAKTOR yang dibuat secara bertulis dalam bentuk Perjanjian Tambahan serta disahkan dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

32 KOS

KONTRAKTOR hendaklah menanggung sendiri semua kos guaman dan apa-apa kos lain yang berkaitan dengan Perjanjian ini.

(RUANGAN DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS kepada Perjanjian yang bertindak melalui wakil-wakil yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu yang menyebabkan Perjanjian ini ditandatangani atas nama mereka masing-masing pada tarikh yang dinyatakan di muka surat permulaan.

Ditandatangani oleh)
)
) _____
 Nama:)
 Jawatan:)
 No. KP:)
 Untuk dan bagi pihak)

KERAJAAN MALAYSIA)

Dan disaksikan oleh
 Nama:)
 Jawatan:)
 No. KP:)

Ditandatangani oleh)
)
) _____
 Nama:)
 Jawatan:)
 No. KP:)
 Untuk dan bagi pihak)

.....)

Dan disaksikan oleh
 Nama:)
 Jawatan:)
 No. KP:)